

“ISTIQAMAH DALAM IBADAH” (22 Jun 2018/8 Syawal 1439)

الحمدُ للهِ الْعَلِيِّ الْأَعْلَى، الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوْجَانًا
أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْهُدَى.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَصَاحْبِهِ الْكَرَامِ أُولَى
الْفَضَائِلِ وَالْمَكَارِمِ وَالنُّثْرَى، وَالْتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ مَا تَعَاقَبَتِ الشَّهُورُ وَالسُّنُونُ
إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ الْكُبُرَى. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ. اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ
بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

﴿ وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلَ لَهُ مُخْرَجًا ۚ وَيَرْزُقُهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ﴾

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa mendapat rahmat Allah SWT di dunia dan juga diakhirat. Khutbah hari ini akan membicarakan tajuk: “*Istiqamah Dalam Ibadah*”.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Hari ini tanggal 8 Syawal, bulan umat Islam kembali kepada Fitrah setelah bermujahadah mendidik rohani dan jasmani sepanjang Ramadan. Terasa begitu cepat Ramadan berlalu, maka berjayalah orang yang merebut peluang dan rugilah orang yang mengabaikan bulan yang penuh dengan keberkatan itu.

Melalui tarbiyah Ramadan, umat Islam mempunyai kelebihan untuk terus istiqamah meneruskan amal ibadah sebagai bukti keberhasilan dan kesan amalan sepanjang Ramadan. Kesempurnaan ibadah bukan sekadar dengan amalan fardhu, malah ia turut ditampung oleh amalan-amalan sunat. Justeru, kita hendaklah mengambil peluang untuk meneruskan ibadah pada bulan Syawal dengan beberapa amalan antaranya ialah berpuasa sunat enam hari bulan Syawal. Sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis sebagaimana diriwayatkan oleh Imam Muslim yang berbunyi:

"مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ"

Maksudnya: "Barangsiapa yang berpuasa pada bulan Ramadan dan kemudian diikuti dengan puasa enam hari pada bulan Syawal, maka seolah-olah dia telah berpuasa selama setahun"

Puasa sunat Syawal semestinya mempunyai hikmah yang amat besar, antaranya dapat menyempurnakan kecacatan yang mungkin terdapat ketika melakukan ibadat puasa Ramadan. Ia juga sebagai latihan bahawa amalan ibadat bukan terletak pada bulan-bulan tertentu seperti berpuasa pada bulan Ramadan sahaja, bahkan amalan itu perlu dilakukan secara istiqamah sepanjang masa dengan puasa-puasa sunat.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI,

Kita juga harus terus istiqamah dengan amalan membaca al-Quran seperti mana budaya tadarus al-Quran pada bulan Ramadan. Membaca al-Quran dengan niat untuk bertaqarrub kepada Allah SWT dan sekaligus berusaha mendalami ilmu-ilmu yang sangat luas daripada kitab suci itu. Al-Quran bukan sekadar memandu manusia kepada akidah yang benar, bahkan sebahagian besar kandungannya membimbing manusia ke arah menjalani kehidupan yang sempurna.

Yakinilah sidang Jumaat sekalian, bahawa kekuatan umat Islam adalah dengan berpegang teguh kepada ajaran al-Quran. Umat Islam perlu memahami dan menghayati makna al-Quran yang sebenar sebagai panduan, berdasarkan tafsiran para ulama dalam kitab-kitab tafsir yang muktabar daripada kalangan ahli sunnah wal jamaah. Tafsiran perlu merujuk kepada sumber yang sahih, tanpa dipengaruhi oleh kelompok tertentu. Jauh sekali daripada pengaruh hawa nafsu. Firman Allah SWT di dalam surah al-Maidah ayat 16.

﴿ يَهْدِي بِهِ اللَّهُ مَنِ اتَّبَعَ رِضْوَانَكُهُ سُبْلَ السَّلَمِ وَيُخْرِجُهُمْ مِّنَ الظُّلْمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِهِ وَيَهْدِيهِمْ إِلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴾

Maksudnya: “Dengan (al-Quran) itu Allah menunjukkan jalan-jalan keselamatan kepada sesiapa yang mengikut keredhaan-Nya, dan Allah keluarkan mereka dari gelap gelita kepada cahaya yang terang-benderang, dengan izin-Nya; dan (dengannya juga) Allah menunjukkan mereka ke jalan yang lurus.”

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI,

Selain itu, umat Islam juga dituntut membudayakan amalan berziarah, saling kunjung mengunjungi ke rumah sanak saudara, sahabat handai dan rakan taulan. Sesungguhnya amalan berziarah adalah salah satu daripada sunnah Nabi SAW dan ia merupakan suatu tuntutan di dalam Islam. Sudah pasti amalan ziarah itu mempunyai hikmah besar, iaitu untuk mengeratkan hubungan silaturrahim, memperkuat ikatan atau hubungan persaudaraan, mendekatkan yang jauh, mengubat kerinduan, saling bermaaf-maafan di kala pertemuan dan berbagai rahsia yang tersembunyi disebalik hikmah amalan berziarah ini. Inilah sebahagian daripada keindahan Islam dan begitu besarnya hikmah amalan berziarah dan saling bermaaf-maafan.

Namun begitu, mimbar ingin mengingatkan agar kita sentiasa mematuhi ketetapan dan adab-adab Islam dalam amalan ziarah. Antaranya dengan menjaga batasan perhubungan dan pergaulan, memelihara aurat, mengelakkan hiburan yang tidak menepati syarak dan menghindari pembaziran, khususnya dalam jamuan rumah terbuka dan majlis keraian. Janganlah niat ziarah dan menghubungkan silaturahim yang murni itu dicemari dengan perbuatan yang mendatangkan kemurkaan Allah dan dosa pada diri kita. Firman Allah SWT dalam surah al-Kahf ayat 104:

﴿الَّذِينَ ضَلَّ سَعْيُهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ يَحْسِنُونَ صُنْعًا﴾

Maksudnya: “Orang yang sia-sia usahanya dalam kehidupan dunia ini, sedang mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul pada apa yang mereka lakukan.”

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Setelah bercuti sempena perayaan, kita tentunya akan kembali bertugas dan bekerja mencari rezeki untuk keperluan pembangunan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan Negara. Oleh itu, Islam menuntut umatnya agar sentiasa berusaha dan bekerja bersungguh-sungguh dalam mencari rezeki. Tanggungjawab bekerja tidak boleh dipandang ringan atau sambil lewa sahaja. Sesuatu pekerjaan hendaklah dilakukan dengan tekun berserta etika, pemikiran dan sistem nilai yang tinggi bagi meningkatkan produktiviti kerja. Rasulullah SAW bersabda:

"إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ إِذَا عَمَلَ أَحَدٌ كُمْ عَمَلاً أَنْ يُتْقِنَهُ"

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah suka apabila seseorang kamu melakukan sesuatu pekerjaan, dia (melakukannya) dengan tekun”

(Riwayat Imam al-Tabarani)

Kita hendaklah melakukan sesuatu pekerjaan sehingga merasakan puas hati dengan daya pengeluaran dan penghasilan. Bahkan kita harus mempunyai

perasaan malu jika gagal melaksanakan tanggungjawab atau melakukan dengan baik apa jua tugas yang diberikan. Inilah etika pemikiran golongan yang berjaya dan maju. Sesungguhnya bekerja dan melaksanakan tugas merupakan ibadah dan amanah yang akan diperlihatkan kelak. Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 105:

﴿وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسِيرُى اللَّهُ عَمَلَكُ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَرِدُوكَ إِلَى عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَدَةِ فَيُنَتَّشِّكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴾

Maksudnya: “Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu, maka Allah dan Rasul-Nya dan orang mukmin akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.”

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar mengingatkan bahawa sebagai mukmin, kita perlu sedar bahawa amalan ibadah yang dilaksanakan sepanjang Ramadan seperti solat, puasa, zakat, sedekah, qiyam dan lain-lain tidak seharusnya terhenti di situ sahaja. Amalan tersebut perlu diteruskan dengan istiqamah bahkan dipertingkatkan lagi kualiti dan kuantitinya pada bulan-bulan lain bagi mencapai matlamat keredhaan Allah SWT.

Marilah sama-sama kita mengamati intipati khutbah yang telah disampaikan tadi untuk merencana perubahan dan meneruskan proses istiqamah dengan:

Pertama: Sentiasa istiqamah dan berazam untuk mengekalkan amalan-amalan kebaikan yang fardhu dan sunat seperti berpuasa enam Syawal dan membaca al-Quran.

Kedua: Mematuhi ketetapan agama dalam melakukan amal ibadah seperti amalan berziarah serta menjauhi segala larangan dan kemungkaran.

Ketiga: Melaksanakan pekerjaan dengan penuh amanah, tanggungjawab

dan bersungguh-sungguh bagi meningkatkan produktiviti.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
إِنَّ الَّذِينَ قَاتَلُوا رَبِّنَا اللَّهَ ثُمَّ أَسْتَقْمَوْا فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ۚ ۱۳
أَصْحَابُ الْجَنَّةِ خَلِيلِنَّ فِيهَا جَزَاءٌ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ۚ ۱۴

Maksudnya: “Sesungguhnya orang yang berkata: Tuhan kami ialah Allah, kemudian mereka istiqamah (menetapkan pendirian itu), maka tidaklah mereka takut, dan tidak akan berdukacita. Merekalah ahli syurga, tetapi kekallah mereka di dalamnya, sebagai balasan bagi amal-amal salih yang mereka telah kerjakan”.

(Surah Ahqaf: 13-14)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفَعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ، أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، إِقْرَارًا بِرُبُوبِيَّتِهِ وَإِرْغَامًا لِمَنْ جَحَدَ بِهِ وَكَفَرَ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْجِنِّ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ فَصَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الْمُصَابِيحِ الْغَرِيرِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللَّهَ فِيمَا أَمْرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَحَذَرُ.

وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَثَنَى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحةَ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى وَمَ يَزْلُ قَائِلًا عَلِيًّا: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَمَّهَا الَّذِينَ

ءَامَنُوا صَلَوَاعَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارِكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَيُّ بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيِّ ابْنِ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نِسَنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَذَنَاسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَعَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ الْأَكْرَمِينَ، وَالْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ، وَانْصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَدُوِّهِمْ. اللَّهُمَّ انصُرْ سَلَاطِينَ الْمُسْلِمِينَ وَأَيْدِيهِمْ بِالتَّقْوَى وَالتَّوْفِيقِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَأَعْلِ كَلِمَةَ الْمُوحَدِينَ، وَأَدْمِ لَهُمُ الْعِزَّةَ وَالْتَّمَكِّينَ. اللَّهُمَّ اهْدِنَا سُبُّلَ السَّلَامِ وَأَخْرِجْنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ، وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى عَبْدِكَ الْخَارِسِ لِشَرِيعَتِكَ
مَلِكِنَا؛

كباوه دولي يغ منها موليا سري فادوك بكتندا يغ دفتروان أكونغ كلها بلس
سلطان محمد كلها وعلی کل قرابته أجمعین

أصلحَ اللَّهُ مُلْكَهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيَضَ لَهُ عَدْلَهُ وَبَلَغَهُ مِنَ الْخَيْرِ مَا شَاءَهُ. اللَّهُمَّ أَدِمِ
الشَّرْعَ الشَّرِيفَ لَهُ وَلُؤْرَائِهِ سَبِيلًا وَمِنْهَا جَاهًا. وَارْزُقْهُمُ التَّوْفِيقَ لِكُلِّ خَيْرٍ
وَاجْعَلْهُمْ سِرَاجًا وَهَاجًا. اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً
مُطْمَئِنَةً رَّحِيْةً. اللَّهُمَّ سَلِيمٌ بِلَادُنَا مِنَ الْمُفْسِدِينَ وَطَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَّرْفِينَ وَوَفْقَنَا
جَمِيعًا لِطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ رَسُولِكَ مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَطَاعَةً مَنْ أَمْرَتَنَا
بِطَاعَتِهِ.

Ya Allah, kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan Mu, negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan. Tanamkanlah rasa kasih sayang dankekalkanlah perpaduan di kalangan kami. Semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, sejahtera dan selamat sepanjang zaman.

(رَبَّنَا لَا تُرِغِّبْ قُلُوبِنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَابُ)
(رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ)
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَةِ وَيَنْهَا
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ)
فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.